

25/02/1998

Jadi pencipta ternama: Mahathir

Faizal Fadzil; Hizral Taziff Hisham

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu rakyat berani mencipta produk dan kaedah baru yang belum diterokai oleh mana-mana pihak di dunia.

Perdana Menteri tidak mahu rakyat terlalu terkongkong dengan produk sedia ada yang dicipta oleh orang lain sebaliknya meminta mereka perlu meyakini kebolehan diri sendiri.

"Kita hendaklah berani mencipta cara dan produk baru yang belum pernah dicuba atau dikeluarkan oleh sesiapa.

"Kita mesti berkebolehan dan berupaya menghasilkan teknologi sendiri supaya kita dapat mengeluarkan barangan bagi kegunaan tempatan dan antarabangsa," katanya berucap merasmikan Pusat Penyelidikan Sains dan Teknologi Maju Malaysia (MASTERCentre) di Taman Teknologi Malaysia (TTM) di sini, hari ini.

MASTERCentre, yang dahulunya dikenali Pusat Robotik dan Flexible Manufacturing System, ditubuhkan sebagai usaha melonjakkan pembangunan ekonomi negara dalam memasuki alaf baru. Pusat itu menawarkan pelbagai kursus dalam automasi perkilangan.

Hadir sama ialah Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding; Pengerusi TTM, Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman dan Ketua Eksekutif TTM, Dr Mohamad Salleh Ismail.

Dr Mahathir berkata, syarikat tempatan perlu menguasai teknologi asing dengan cepat, bukan sekadar memasang barangan komponen yang diimport. Umpamanya, Malaysia adalah pengeluar pendingin udara terbesar di dunia tetapi kebanyakan alat dikeluarkan oleh syarikat asing yang mempunyai kilang di negara ini.

"Jika rakyat Malaysia mampu mengeluarkan barangan itu untuk syarikat asing, bermakna mereka juga mampu mengeluarkannya untuk syarikat tempatan," katanya sambil meminta syarikat tempatan menggunakan kemudahan teknologi di TPM supaya tidak lagi terlalu bergantung kepada teknologi luar negara.

Menurutnya, dalam keadaan ekonomi sekarang, syarikat tempatan harus mencari jalan bijak untuk berdikari sambil mengurangkan kos perbelanjaan.

Sehubungan itu, Perdana Menteri meminta pengguna memberi sokongan terhadap barangan tempatan.

"Kalau pengguna kita tidak dapat menerima barangan buatan Malaysia sendiri, bagaimanakah industri kita dapat berkembang dengan lebih pesat lagi," katanya.

Malaysia kini menjadi negara pengeluar ke-16 di dunia dengan hasil eksport sebanyak RM289 bilion (AS\$78.2 bilion).

(END)